



Mutiara •buletin

PERCUMA



Oktober 2011

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

BALIK PULAU – Sejumlah 3,806 unit perumahan kos rendah di seluruh negeri ini telah diluluskan pembinaannya oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) sehingga kini bagi membolehkan rakyat Pulau Pinang memiliki rumah sendiri.

Pada masa sama, sebanyak 7,790 perumahan kos sederhana rendah yang berharga sekitar RM42,000 ke RM72,500 seunit turut diluluskan pada tempoh yang sama. Ini bermakna, dalam tempoh tiga tahun di bawah pemerintahan PR, sebanyak 11,596 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Terbaru, pembinaan pangsapuri kos rendah, Desa Nipah di Sungai Jalan Nipah, Balik Pulau juga telah siap dibina. Selain menyelesaikan masalah penempatan setinggan di kawasan tersebut, projek yang diimplimentasikan menerusi konsep bina dan jual memberi jaminan kepada pembeli agar tidak ditipu atau ditindas gara-gara projek perumahan yang terbengkalai.

Pada masa sama, tender bagi projek perumahan terbaru di Batu Kawan (berhampiran susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang), Seberang Perai Selatan yang membabitkan 7,300 unit pangsapuri bernilai antara RM72,500 hingga RMRM220,000 juga telah dibuka kini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai, terdapat beberapa pemaju perumahan telah mengemukakan usul pembangunan perumahan kepada Kerajaan Negeri.

“Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengembalikan semula usul pembangunan tersebut kerana kami (Kerajaan Negeri) mengingin-

Bukti Pakatan berjiwa rakyat

11,956 rumah mampu milik siap dibina

kan pemaju-pemaju tersebut mengemukakan usul pembangunan yang mampu mengatasi masalah penempatan setinggan di beberapa daerah di Pulau Pinang,” katanya ketika mengadakan lawatan ke Desa Nipah di Balik Pulau baru-baru ini.

Tambah Hon Wai, pangsapuri Desa Nipah merupakan contoh terbaik membuktikan bahawa Kerajaan Negeri PR bukan sahaja meluluskan projek-projek perumahan mewah malah turut memperhebatkan pembinaan unit-unit perumahan kos rendah dan mampu milik.

“Melalui konsep perumahan bina dan jual, pembeli hanya perlu membayar 10:90, iaitu

10% sebelum pembinaan manakala baki 90% lagi setelah unit tersebut mendapat Sijil Layak Menduduki (CFO) dan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

“Pembeli juga berhak memeriksa terlebih dahulu sebelum melangsaikan baki 90% tersebut. Risiko yang ditanggung pembeli juga rendah kerana tidak perlu membayar faedah ke atas pinjaman semasa perumahan,” jelasnya.

Di bawah Kerajaan Negeri PR dan Agensi Kerajaan Negeri, projek perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah yang dibangunkan sejak 2008 adalah seperti berikut.

	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah	Jumlah
Kerajaan	1194	2227	3421
Swasta	2612	5563	8175
Jumlah	3806	7790	11596

Sempena sambutan Bulan Cahaya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengucapkan

Selamat Hari Deepavali kepada semua penganut agama Hindu.



MATANG MENERIMA PERBEZAAN...KETUA Menteri Pulau Pinang mesra menyambut Perdana Menteri ke Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri dan Hari Kemerdekaan di SMK Guar Perahu, Permatang Pauh. Turut hadir, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim. – Oleh Chan Lilian



PULAU PINANG BERUBAH

Dahulu..  **Laa Ni!** 

SEKOLAH AGAMA RAKYAT AL-AMINIAH, PERMATANG PAUH

DAHULU (Kerajaan Barisan Nasional)	KINI (Kerajaan Pakatan Rakyat)
Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam RM12.5juta	Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam 2009: RM20.50juta 2010: RM24.30juta 2011: RM33.33juta
Peruntukan Tahunan untuk SAR TIADA	Peruntukan Tahunan untuk SAR 2009: RM1.50juta 2010: RM1.75juta 2011: RM1.75juta
Peruntukan Guru KAFA TIADA	Peruntukan Guru KAFA RM100,000 setahun

Pampasan rumah : Pakatan tambah RM22 ribu

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

TELUK KUMBAR – Tidak sanggup melihat rakyat Pulau Pinang terus ditindas, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah berjaya memperjuangkan nasib penduduk Pekan Teluk Kumbar di sini dengan memperoleh pampasan RM42,000 berbanding jumlah RM20,000 yang ditawarkan pemaju sebelum ini.

Menurut salah seorang penduduk, Ramlah Hashim, 60, sebelum Kerajaan Negeri ini (PR) campur tangan, seramai 15 penduduk yang terlibat hanya ditawarkan pampasan sebanyak RM20,000 oleh pihak pemaju.

“Kami menerima surat pindah pada tahun 2009 dan yang paling menyedihkan adalah kami hanya diberikan tempoh sebulan untuk mengosongkan rumah masing-masing.

“Kami semua tidak bersetuju. Walaupun tanah ini milik ceti sebelum dibeli oleh pemaju, kami tetap membayar sewa tapak dan bayar cukai hasil. Kami telah lama tinggal di sini. Tempoh sebulan yang diberi membebaskan kami kerana kami tidak ada tempat tinggal lain,” katanya kepada Buletin Mutiara (BM) di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, suami Ramlah, Abdul

Rahman Seeni Rawther, 70, menambah, ekoran tertekan dengan penindasan yang berlaku, para penduduk telah membuat keputusan untuk meminta bantuan daripada pihak Kerajaan Negeri iaitu Pegawai Penyelaras KADUN Bayan Lepas, Asnah Hashim dan Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Mohd. Yusoff.

“Alhamdulillah, setelah berjumpa dengan pihak Kerajaan Negeri, pemaju telah bersetuju untuk memberikan sebuah rumah flat kos rendah bernilai RM42,000 yang terletak di Pagar Buluh, Relau dan wang bagi menampung kos pindah sebanyak RM2,000,” ujar beliau.



SEBAHAGIAN penduduk kampung yang terlibat bersama Asnah Hashim (lima dari kiri) menunjukkan tanda bagus ekoran kejayaan memperoleh pampasan bernilai RM42,000 di sini baru-baru ini.



RAMLAH Hashim (kanan sekali) dan Abdul Rahman Seeni Rawther (kiri sekali).



Rakyat Pulau Pinang rai Hari Malaysia & Merdeka ke-54 serentak



ANTARA prajurit negara yang menyertai perbarisan sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang.



TUN Abdul Rahman Abbas membuat pemeriksaan barisan sempena sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

BUTTERWORTH – Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Negeri, Tun Datuk Seri Utama (Dr.) Abdul Rahman Abbas dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Hajah Majimor Sharif menjadi tetamu kehormat utama di majlis penuh istiadat itu.

Dif kehormat lain antaranya Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Speaker DUN, Datuk Abdul Halim Hussain, Datuk Mansor Haji Othman (Timbalan Ketua Menteri I) dan isteri, Dr P. Ramasamy dan isteri (Timbalan Ketua Menteri II) dan Exco-exco Kerajaan Negeri turut dilihat bersama T.Y.T.

Lebih 100 kontijen dari agensi kerajaan, swasta,

pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pasukan beragama serta pancaragam sekolah mengisi acara perbarisan di dataran utama.

Ketua Menteri ketika berucap menyatakan bahawa beliau berharap rakyat di Pulau Pinang kian patriotik dengan sambutan Hari Malaysia yang diadakan di peringkat negeri.

“Dengan penganturan ini, kita harap rakyat Pulau Pinang lebih patriotik di tanah air ini dengan kuat bekerja demi meningkatkan ekonomi negeri secara Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT),” ujar beliau sambil mengucapkan selamat menyambut Hari Malaysia.

Hentikan fitnah, digesa tunjuk semua resit perubatan Mat Sabu

GEORGE TOWN – Pihak pembangkang Pulau Pinang dinasihatkan supaya menghentikan fitnah ke atas Kerajaan Negeri serta digesa mendedahkan semua resit pembayaran kos perubatan Ahli Lembaga Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA), Mohamad Sabu yang dikeluarkan oleh Hospital KPJ Selangor.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sebagai maklum balas terhadap fitnah Ketua Pemuda Umno Bahagian Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican kononnya Kerajaan Negeri bersubahat dengan Mohamad menyeleweng lebih RM 3,000 dana PBA.

“Sebenarnya ada dua resit, tapi dia (Reezal) hanya tunjuk satu resit sahaja sebab berhati busuk. Saya yakin ini semua telah diatur (dan) ini semua fitnah (pihak pembangkang),” ujar beliau pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Berdasarkan kedua-dua resit berkenaan, kos hospitaliti keseluruhannya adalah sebanyak RM5,060.54. Manakala kos perubatan dan konsultansi berjumlah RM3,373.50. Ini bermakna, jumlah keseluruhan kos perubatan Mohamad adalah RM8,434.05.

Sementara itu, Pengurus Besar PBA, Ir Jaseni Maidinsa berkata, pihaknya wajar berlaku profesional dan menjalankan tanggungjawab korporat dengan membiayai kos perubatan ahli lembaga pengarahnya.

“Inilah keprihatinan kami (PBA), inilah ‘manfaat perubatan’. Ini adalah keputusan korporat. Sesetengah syarikat korporat ada yang menghantar ahli lembaganya pergi

bercuti, tetapi ini tidak berlaku di dalam PBA,” tegas beliau sambil menyatakan bahawa penggunaan manfaat tersebut adalah yang pertama bagi Mohamad pada tahun ini.

RESIT pembayaran kos perubatan Mohamad Sabu.

AMOUNT	CHG	TAX	AMT	DISC	NET	AMT	DISC	NET
3,373.50	0.00	0.00	0.00	0.00	3,373.50	0.00	0.00	3,373.50
5,060.54	0.00	0.00	0.00	0.00	5,060.54	0.00	0.00	5,060.54
TOTAL					8,434.05			8,434.05

AMOUNT	CHG	TAX	AMT	DISC	NET	AMT	DISC	NET
3,373.50	0.00	0.00	0.00	0.00	3,373.50	0.00	0.00	3,373.50
5,060.54	0.00	0.00	0.00	0.00	5,060.54	0.00	0.00	5,060.54
TOTAL					8,434.05			8,434.05

Diarah kosongkan premis: Permohonan ADUN Penaga ditolak

PENAGA – Permohonan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Penaga, Datuk Azhar Ibrahim untuk membatalkan arahan Kerajaan Negeri supaya beliau mengosongkan premis Pusat Komuniti ADUN yang diwakilinya ditolak oleh Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) Kuala Lumpur baru-baru ini.

Hakim Datuk Rohana Yusof membuat keputusan itu setelah mendapati Azhar selaku pemohon tiada locus standi membuat permohonan tersebut.

Arahan untuk mengosongkan pusat komuniti tersebut didakwa dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Utara (SPU) pada 8 November 2010.

Ketua Pembangkang Pulau Pinang itu memfailkan permohonan semakan kehakiman berkenaan pada 19 November 2010 bagi memohon perisytiharan bahawa arahan yang dikeluarkan oleh pejabat daerah tersebut sebagai tidak sah dan tidak

boleh dilaksanakan.

Ekoran itu, Azhar menyifatkan bahawa tindakan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) yang mengarahkan premis Pusat Komuniti Anggota DUN Penaga dikosongkan, sebagai tindakan rakus dan merugikan rakyat.

Dalam pada itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Musa Sheikh Fadzir turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sepatutnya membina sendiri kemudahan untuk rakyat seperti dewan atau pusat komuniti kerana mempunyai lebih perolehan yang besar setiap tahun.

Namun, sekiranya Kerajaan Negeri PR membina sendiri dewan dan pusat komuniti, apa pula yang akan terjadi kepada dewan dan pusat komuniti yang sedia ada? Hendak dibiarkan kosong begitu saja atau akan digunakan oleh



PUSAT Komuniti KADUN Penaga.

UMNO sebagai harta mereka untuk dijadikan stor bagi menyimpan bendera mereka sepertimana dengan apa yang terjadi kepada banyak dewan sedia ada?

Kenapa UMNO masih rakus mahu menguasai dewan atau pusat komuniti yang ada sedangkan mereka tidak berhak sama sekali ke atas dewan atau pusat komuniti tersebut biarpun ianya dibina oleh Kerajaan Pusat kerana ianya bukanlah dibina menggunakan wang UMNO sendiri?

Elaun khas kepada pekerja Am 3D & penguatkuasa PBT



SEBAHAGIAN anggota penguatkuasa dan pekerja am pasukan 3D MPPP yang hadir pada Majlis Penyampaian Elaun Khas RM150 Sebulan Kepada Kumpulan Kerja MPPP dan MPSP baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Sebagai tanda galakan serta sokongan kepada kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya dapat bekerja dengan lebih gigih, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah bersetuju menyumbangkan bantuan kewangan berupa elaun khas sebanyak RM150 sebulan kepada kumpulan kerja berkenaan.

Bersempena dengan pelaksanaan inisiatif tersebut, seramai 238 anggota penguatkuasa dan 178 pekerja awam pasukan 3D (*dirty, dangerous, difficult*) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan 186 anggota penguatkuasa dan 52 anggota pasukan 3D Majlis Perbandaran seberang Perai (MPSP) telah

menerima sumbangan elaun khas ini.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, pemberian elaun khas tersebut adalah sebagai tanda galakan serta sokongan kepada kakitangan PBT supaya dapat bekerja dengan lebih gigih lagi terutamanya dalam kerja-kerja penguatkuasaan yang mempunyai risiko yang tinggi. Begitu juga dengan kerja-kerja Pasukan 3D yang telah banyak membantu meningkatkan imej PBT dan juga Kerajaan Negeri.

“Semangat kekitaan dan semangat berpasukan perlu diterapkan dalam diri semua warga PBT. Ini akan meyakinkan orang awam mematuhi undang-undang baik dalam

menjaga kebersihan supaya tidak membuang sampah merata-rata, memandu dengan bersopan agar tidak menghalang lalulintas serta menjadi mata dan telinga agar menghindari jenayah.

“Dengan ini, barulah Pulau Pinang boleh menjadi negeri yang lebih bersih, hijau dan selamat,” kata beliau semasa merasmikan Majlis Pemberian Elaun Khas Kepada Anggota Penguatkuasaan dan Pasukan 3D, baru-baru ini.

Di samping itu, Guan Eng juga berharap agar pencapaian ini dapat dijadikan perangsang untuk membakar semangat bagi terus berusaha menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai budaya perkhidmatan di MPPP dan MPSP.

Keluarga mangsa kebakaran dapat perhatian KN

GEORGE TOWN – Prihatin dengan kejadian yang menimpa seorang kanak-kanak perempuan, Zulaika Batriesya Mohamad Zafian, 9, yang meninggal dunia dalam kejadian kebakaran di Sungai Nibong Kecil, baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah menyampaikan sumbangan khas kepada keluarga mangsa terbabit.

Sumbangan berkenaan merupakan tambahan kepada bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri melalui tabung bantuan Tuan Yang Terutama (TYT) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Y.B. Sim Tze Tzin sebelum ini.

Dalam pada itu, setiap keluarga menerima

sumbangan bernilai RM1,000 manakala nenek kepada Allahyarham Zulaika Batriesya menerima RM2,000 hasil sumbangan peribadi Ketua Menteri.

Nenek Allahyarham, Rosnah Ibrahim dan bapa saudara, Noor Fairizul Izan hadir menerima sumbangan tersebut.

ROSTNAH Ibrahim (kiri sekali) menerima sumbangan khas daripada Ketua Menteri sambil diperhatikan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. Ramasamy (kanan sekali), Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kanan) dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus.



Jasamu dikenang

DIHARGAI. – Bagi menghargai jasa dan sumbangan anggota pasukan keselamatan iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertugas di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menyampaikan sumbangan berupa wang bernilai RM10,000 masing-masing kepada pasukan keselamatan berkenaan bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

Ketua Menteri menyatakan bahawa jasa pasukan keselamatan harus dikenang dan diberi pengiktirafan yang setimpal. Perkara ini terbukti apabila kadar jenayah di Pulau Pinang telah menurun sehingga 27 peratus pada tahun lepas. Ini merupakan kadar penurunan jenayah paling tinggi di Malaysia.

Sumbangan tersebut telah diterima oleh wakil PDRM, SAC Zahrudin Abdullah manakala ATM oleh KOL Badrul Hisham Muhammad.

KOL Badrul Hisham Muhammad (tiga dari kanan) mengadakan perbincangan ringkas dengan Ketua Menteri sambil diperhatikan Zahrudin Abdullah (kanan sekali) pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Pasukan Keselamatan di sini baru-baru ini.



Mangsa Bersih dapat pembelaan

BALIK PULAU – Mangsa demonstrasi aman Bersih 2.0, Roslan Rahim @ Hussain memerlukan bantuan kewangan sebanyak RM10,000 bagi membolehkan beliau menjalani pembedahan rahang.

Beliau yang cedera ekoran terkena kelongsong peluru pemedih mata sebelum ini telah menerima 10 jahitan di bahagian dalam mulut manakala 10 jahitan lagi di bahagian luar bahagian yang sama.

Bersimpati dengan kecederaan yang dialami, Ketua Menteri bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyumbangkan sumbangan bernilai RM1,000 bagi meringankan beban ditanggung.

Roslan ketika ditemui di Majlis Berbuka Puasa Bersama Ketua Menteri di Masjid Sungai Burung baru-baru ini amat berterima kasih dengan pemberian berkenaan.



ROSLAN Rahim @ Hussain menunjukkan kecederaan yang dialami.



ROSLAN Rahim @ Hussain bersalaman dengan Ketua Menteri pada Majlis Buka Puasa di Masjid Sungai Burung di sini baru-baru ini.

BEST dilanjut

GEORGE TOWN – Perkhidmatan percuma ‘*Bridge Express Shuttle Transit*’ (BEST) yang bertujuan mengurangkan kesesakan lalulintas di Jambatan Pulau Pinang menjelang waktu puncak dilanjutkan bermula 1 September 2011 sehingga 29 Februari 2012.

Inisiatif khas tersebut adalah berikutan sambutan menggalakkan perkhidmatan yang juga dapat menjimatkan wang ringgit, mengurangkan tekanan atau stres akibat kesesakan lalulintas dan mesra alam yang mula diperkenalkan pada 1 Mac lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, perkhidmatan BEST dilanjutkan ekoran peningkatan ‘*ridership*’ secara purata dari 376 penumpang sehari bagi perjalanan sehala pada pertengahan April 2011 ke 442 penumpang pada bulan Ogos 2011. Kadar peningkatan yang menggalakkan ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri membelanjakan sejumlah

wang ke atas perkhidmatan yang mempunyai justifikasi yang kukuh dan tidak sia-sia demi rakyat.

“Kerajaan Negeri membelanjakan RM10,000 sebulan bagi pengoperasian sebuah bas BEST. Manakala Rapid Penang Sdn. Bhd. telah menyediakan 16 buah bas yang menjadikan jumlah kos pengoperasian sebanyak RM160,000 sebulan.

“Perkhidmatan BEST yang kini beroperasi di laluan antara hab Sunway Carnival Mall ke kawasan perindustrian Bayan Lepas akan dikembangkan lagi ke hab baharu iaitu di Aeon Seberang Prai City Shopping Centre, Bandar Perda,” katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, daripada 16 buah bas BEST yang kini beroperasi, enam daripadanya akan dibawa untuk



BAS BEST

pengoperasian di laluan Bandar Perda ke Bayan Lepas.

“Cadangan penambahbaikan ini boleh meningkatkan *ridership* BEST kerana kawasan tersebut dan sekitarnya terutama di Bukit Mertajam mempunyai jumlah penduduk yang kerap berulang-alik ke tempat kerja di Bayan Lepas,” tambah beliau.

MPSP kini telah ‘sembuh’

GEORGE TOWN – MPSP kini telah berjaya dipulihkan sedikit demi sedikit dan hampir sembuh setelah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Pulau Pinang pada Mac 2008.

Di bawah kerajaan lama (Barisan Nasional), MPSP telah kerugian hampir RM230 juta dalam masa lapan tahun. Namun selepas 2008, defisit yang dialami MPSP telah bertukar menjadi lebih apabila MPSP berjaya mengumpul lebih pendapatan sebanyak RM23 juta (sehingga 2010).

Mengikut statistik, dalam tempoh tiga tahun, sebanyak RM284 juta aset semasa atau

aset cecair berjaya dikumpulkan oleh Kerajaan Negeri PR. Ini sekaligus membuktikan kejayaan Kerajaan Negeri PR apabila berjaya memperoleh dua kali ganda nilai aset cecair berbanding sebelum ini (kerajaan lama) yang hanya mengumpulkan RM143 juta dalam masa empat tahun.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menegaskan bahawa kejayaan tersebut bukanlah kejayaan Kerajaan Negeri tetapi ia adalah kejayaan rakyat di atas kepercayaan yang telah diberikan.

Jumlah aset yang berjaya disatukan semasa pemerintahan BN dan PR :

**LEBIHAN / DEFISIT (SEBENAR)
2000 SEHINGGA 2010**



Defisit Sebanyak RM230juta Selama 8 Tahun

1

Program BOT ‘disembunyikan’ BN

GEORGE TOWN – Program Bantuan Orang Tua (BOT) membabitkan bantuan bernilai RM300 sebulan kepada warga emas (bersyarat) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak diwar-warkan kepada rakyat Pulau Pinang secara menyeluruh ketika di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional (BN).

Buktinya, selepas Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Pulau Pinang, pendaftaran program BOT telah meningkat hampir sekali ganda bermula pada tahun 2008. Dari 2,471 pendaftaran pada tahun 2008, angka tersebut terus meningkat kepada 5,040 (2009), 6,472 (2010) dan 7,032 (2011).

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, Program BOT yang dahulunya tidak diwar-warkan kepada rakyat menyebabkan

kan warga emas tidak mendapat hak mereka.

“Di bawah kepimpinan Pakatan Rakyat, dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), program yang wujud sejak tahun 1970-an ini telah dihebahkan dan memperlihatkan peningkatan jumlah warga emas yang mendaftar di bawah program ini,” katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Boon Poh memberitahu, pembayaran fasa kedua Program Penghargaan Warga Emas (PPWE) fasa kedua yang telah berlangsung dari 22 Ogos hingga 15 September lalu adalah membabitkan pembayaran kepada 18,565 warga emas yang baru mendaftar di seluruh Pulau Pinang.

“Ini bermakna, sehingga kini, pendaftaran PPWE sejak ia dilancarkan telah mencecah hampir 127,000 orang,” ujar beliau.

DAHULU (Kerajaan BN)		SEKARANG (Kerajaan PR)	
TAHUN	JUMLAH	TAHUN	JUMLAH
2006	1364	2008	2471
2007	1966	2009	5040
—	—	2010	6472
—	—	2011 (Ogos)	7032

Perangkaan Pendaftaran Program BOT.

Tunjuk bukti laporan ekonomi

GEORGE TOWN – “UMNO perlu mengemukakan bukti atau hentikan segala tuduhan dan pembohongan”, tegas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkaitan dakwaan UMNO yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) ‘menyuap’ Economist bagi penghasilan artikel “*Malaysia’s Penang State: Getting back its mojo – After a slump, an early engine of globalisation is thriving again*” pada 13 Ogos lalu. (Bacaan lanjut, <http://www.economist.com/node/21525968>).

Dalam artikel tersebut menyatakan bahawa kos yang rendah dan berteknologi tinggi menjadi faktor utama dalam kebangkitan sektor ekonomi dan perindustrian di Pulau Pinang, dewasa ini, berbanding sedekad yang lalu.

Malah, turut dinyatakan bahawa Pulau Pinang menyumbang sebanyak 21% dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dan pengaruh politik juga memainkan peranan dalam pencapaian Pulau Pinang sejak 2008.

“Jelas menunjukkan bahawa UMNO



tidak gembira dengan pujian ke atas pentadbiran Kerajaan Negeri PR”, ujar Guan Eng.

Sejak Kerajaan Negeri berada di bawah pimpinan PR, Pulau Pinang telah banyak mengecapi pelbagai perubahan dan pencapaian. Ternyata usaha Kerajaan Negeri PR dalam membanteras rasuah dan menjalankan urus tadbir ‘Cekap, Akauntabel dan Telus’ berhasil, di samping memberi penekanan terhadap produktiviti, pencapaian dan kemahiran.

Pengadaptasian model urus tadbir

yang betul dan kompeten telah membolehkan Pulau Pinang menarik minat pelabur-pelabur asing sehingga mampu mencatat sejarah apabila mencapai jumlah pelaburan tertinggi sebanyak RM12.24 bilion pada 2010.

“Di sini saya ingin mengingatkan kepada Barisan Nasional (BN) bahawa PR tidak pernah mempraktikkan ketidakadilan dan tidak telus seperti sesetengah pemimpin pusat dengan membiayai sejumlah wang untuk mengadakan ulasan yang bersifat ‘favourable’ atau menyokong sesuatu

pihak bagi tujuan tertentu”, tambah beliau.

Pada 16 Ogos yang lalu, Ahli Parlimen UMNO Bahagian Kota Belud, Abdul Rahman Dahlan dalam laman Twitter menyatakan “*As usual. Must must read! RT @satD: @cmlinguaneng @limkitsiang how much u paid Economist 4 D Mojo Advertorial?*” (“Seperti biasa. Mesti mesti baca! RT @satD: @cmlinguaneng @limkitsiang berapa banyak awak bayar Economist untuk penerbitan Mojo tersebut?”).

Perihal ini sekaligus menunjukkan belang sebenar UMNO yang sudah ketandusan idea untuk meraih perhatian, sebaliknya mengadakan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas dan berunsurkan fitnah.

Dalam pada itu, Guan Eng memohon agar Ahli Parlimen berkenaan mengemukakan bukti kenyataan beliau dan memohon maaf kerana cuba merosakkan dan merendah-rendahkan usaha gigih 1.6 juta warga Pulau Pinang sejak tiga tahun lalu dalam menjadikan Pulau Pinang seperti ini.

(Artikel ini diterjemahkan secara bebas dari penulisan Din Merican yang bertajuk ‘A Malaysian Economic Agenda For Penang’)

SEBAIK sahaja Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak akan diguna pakai lagi di negeri tersebut, akhbar milik UMNO, Utusan Malaysia (rujuk pautan utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0312&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm) menyiarkan kenyataan beliau sebagai berita muka hadapan, lantas membuka ruang buat pemuka-pemuka UMNO untuk menghentam Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang baru dibentuk itu.

Utusan Malaysia sebetulnya gagal untuk mendedahkan realiti sebenar yang berlaku bahawa bangsa Melayu sebenarnya sudah pun lama dipinggirkan dan berada dalam kemiskinan yang teruk sepanjang berada di bawah pentadbiran Gerakan-UMNO. Kecuali di kawasan Balik Pulau, bangsa Melayu sebenarnya sudah tidak punyai tanah yang boleh dianggap milik mereka. Daripada sebuah masyarakat yang memiliki tanah, bangsa Melayu kini hanya mendiami rumah-rumah pangsa yang sempit. Hakikatnya, DEB sebetulnya sudah menemui ajalnya di Pulau Pinang lama dahulu iaitu apabila UMNO sendiri gagal berfungsi sebagai pembela hak Melayu di negeri tersebut.

DEB merupakan polisi tindakan afirmatif yang dilancarkan pada tahun 1970 dengan objektif untuk mengurangkan

Agenda Ekonomi Malaysia Buat Pulau Pinang

kemiskinan serta membina semula ekonomi negara. Sepanjang tempoh pelaksanaannya, rejim UMNO-BN telah menggunakan polisi ini untuk mencipta sistem politik naungan yang memberi kelebihan dan keistimewaan kepada beberapa kerat Bumiputera yang memiliki jaringan dengan elit kuasa dalam UMNO. Kesan daripada penyalahgunaan DEB ini juga kemudiannya melahirkan “kapitalis

Melayu palsu” yang diasaskan melalui sistem naungan, kronisme dan nepotisme.

Pendirian Parti Keadilan Rakyat (PKR) berkenaan dengan DEB telah dinyatakan dengan jelas di dalam manifesto pilihanraya yang bertemakan Harapan Baru Untuk Malaysia:

“...Dasar Ekonomi Baru haruslah digantikan dengan agenda ekonomi yang berhasrat membantu dan mengembalikan

maruah semua rakyat yang miskin, tidak kira kaum atau latar belakang mereka. Dengan ini, golongan elit yang kaya-raya tidak lagi akan boleh memperguna dasar yang sedia ada untuk lebih memperkayakan diri mereka lagi - sebaliknya, orang Melayu yang sememangnya merupakan majoriti golongan miskin Malaysia akan mendapat bantuan sepenuhnya, bersama-sama saudara mereka dari kaum India, Kadazan, Cina, Iban, Orang Asli dan lain-lain.

Dasar afirmatif yang berasaskan sepenuhnya kepada ras dan bangsa, seperti yang diterjemahkan melalui Dasar Ekonomi Baru, telah terbukti kelemahannya yang ketara dengan penindasan yang dialami oleh sekalian rakyat Malaysia. Masih ada Melayu yang kaya dan Melayu yang miskin, Cina yang kaya dan Cina yang miskin, India yang kaya dan India yang miskin, demikianlah seterusnya.”

Prinsip asas Agenda Ekonomi Malaysia ialah “peluang yang saksama perlu disediakan untuk setiap rakyat Malaysia, peluang untuk belajar, peluang untuk memperoleh hidup yang senang, dan peluang untuk mencapai impian”. PKR akan turut mempertahankan peruntukan Artikel 153 dan juga hak semua warga Malaysia sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Apa yang dikesalkan ialah tindakan tidak bertanggungjawab serta berniat jahat dari pihak Utusan Malaysia yang mula memainkan sentimen perkauman sebaik sahaja rejim UMNO-BN menerima kekalahan teruk dalam pilihanraya umum baru-baru ini.

PANTAU... Bagi memastikan para pengguna tidak tertipu dengan penjualan barangan terkawal melebihi harga siling, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama,



ABDUL Malik Abul Kassim memantau barangan jualan di sebuah premis di Taman Bandara Tasek Mutiara, Simpang Ampat.

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abdul Kassim telah turun padang untuk membuat pemantauan di sekitar kawasan Taman Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat di sini baru-baru ini.

Pemeriksaan memabitkan beberapa premis runcit dan pasar mendapati bahawa semua peniaga mematuhi peraturan dan harga siling ditetapkan.

Inisiatif khas Abdul Malik tersebut dibuat dari semasa ke semasa bagi kepentingan rakyat Pulau Pinang dan hak sebagai seorang pengguna.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Tuan Mansor Othman mansor@penang.gov.my	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Tuan Chow Kon Yeow chowkoneyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Tuan Abdul Malik Abul Kassim abdulmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Tuan Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Tuan Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Tuan Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Tuan Law Choo Kiang lawchooki@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Tuan Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Tuan Ong Kok Fook ongkokfook@penang.gov.my	(T) 04 - 537 8476 (F) 04 - 537 8476
DATO' KERAMAT YB Tuan Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Tuan Sim Tze Tzin simtzetzin@penang.gov.my	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Tuan Tan Hock Leong hltan@penang.gov.my	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Tuan Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tuan Tan Beng Huat tanbenghuat2000@yahoo.com	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Tuan Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tuan Tanaseharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Tuan Ong Khan Lee jason_okl@yahoo.com	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Tuan Hj. Makhtar Hj. Shapee adun.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Tuan Ng Wei Aik ngweiaik@penang.gov.my ; nweiaik@gmail.com	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tuan Tan Cheong Heng michael@dappenang.com.my	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Tuan Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Tuan Koay Teng Hai koaytenghai@gmail.com	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Tuan Hj. Salleh Man adunptgpassir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Tuan Ong Chin Wen prbktfengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
SUNGAI PINANG YB Tuan Koid Teng Guan tgkoid@gmail.com	(T) 010 - 464 3308 (F) 04 - 282 8322
BATU UBAN YB Tuan Raveentharan a/l Subramaniam raveenkeadlian@gmail.com	(T) 04 - 659 6007 (F) 04 - 658 6007 04 - 2628188
SERI DELIMA YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 04 - 227 1397 04 - 227 7068 (F) 04 - 228 8514

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Hj Rosidi Bin Hussain albertami@yahoo.com 019-4704 800	(T) 04 - 575 6577 04 - 575 8578 (F) 04 - 575 8578
BERTAM Asrol Sani Bin Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	(T) 013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Adnan Bin Abdul Rahman adnankulim@gmail.com	(T) 019 - 421 5952
PERMATANG BERANGAN Arshad Bin Md Salleh arshad.salleh@yahoo.com	(T) 019 - 510 2633
SUNGAI DUA Mohd. Fahmi Abd. Wahab krisoft.engineer@yahoo.com	(T) 04 - 575 1085 (F) 04 - 575 1085
TELOK AIR TAWAR Salehin Mohamed pjd_403@ymail.com	(T) 017-427 1581
SEBERANG JAYA Abdul Jalil Che Ros abjefeguh@gmail.com	(T) 04 - 538 1460 013 - 489 3227 (F) 04 - 538 1460
SUNGAI ACHEH Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar hiwanday@yahoo.com	(T) 012 - 4735774
BAYAN LEPAS Asnah Binti Hashim asnah_45@streamyx.com	(T) 019 - 472 6956
PULAU BETONG Hj Mohd Tuah Bin Ismail tuahismail@yahoo.com	(T) 019 - 570 9500
TELUK BAHANG Mohamad Shawal Ahmed shawal_mz@yahoo.com	(T) 04 - 644 7004 012 - 424 9004

Talian Kecemasan

POLIS & AMBULANS	999
BOMBA	994
DIREKTORI TELEFON	103
OPERATOR ANTARABANGSA	101
PENYELAMAT	991

PERKHIDMATAN AWAM

BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957
KASTAM	04-262 2300
IMIGRESEN	04-250 3419
INFORMASI PENERANGAN	04-643 0373
WWC	04-228 0342
JPJ	04-658 1122 04-398 8809
EPF	04-226 1000
SOCOSO	04-238 9888
JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
PUSAT INFO PELANCONG	04-261 4461
KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
FERI (GEORGETOWN)	04-210 2363
(BUTTERWORTH)	04-310 2377
JAMBATAN PP	04-398 7419
STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
PERSATUAN PERUNDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
CAP	04-829 9511
JABATAN BURUH	04-262 5536
PERPUSTAAAN PP	04-229 8555 04-397 1058

Kalendar Kursus Pertanian 2011

TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT
Pemprosesan Taugeh	04/10/2011 - 05/10/2011	Bumbung Lima
Pemprosesan Mee Kuning dan Mee Sanggul	21/10/2011 - 22/10/2011	PLP Cherok Tok Kun

BAGAIMANA CARA MEMOHON?

Tuan/Puan perlu mengisi borang permohonan yang dilampirkan di mana-mana Pejabat Pertanian Daerah / Kawasan yang berdekatan. Tuan / Puan boleh menghubungi cara bersurat, faks atau telefon melalui pegawai-pegawai berkenaan di pejabat-pejabat yang disenaraikan seperti berikut :

1. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang
Jalan Kulim, Cherok Tok Kun,
14000 Bukit Mertajam.
No. Telefon : 04-5372144, 04-5372145
No. Faks : 04-5372150
2. Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Utara,
Bumbung Lima,
13200 Kepala Batas.
No. Telefon : 04-5753487
3. Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Selatan
Bangunan Pejabat kerajaan,
14200 Jawi, Seberang Perai Selatan,
No. Telefon : 04-5826824
4. Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah
Pusat Pertanian Cherok Tok Kun,
14000 Bukit Mertajam.
No. Telefon : 04-5302493
5. Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya
Jalan Sungai Nipah, Genting,
11020 Balik Pulau, Pulau Pinang.
No. Telefon : 04-8668429
6. Pejabat Pertanian Kawasan Sungai Aceh
14310 Nibong Tebal, Seberang Perai selatan.
No. Telefon : 04-5982866
7. Pejabat Pertanian Daerah Timur Laut
Pusat Pertanian Relau,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
No. Telefon : 04-6433364

SYARAT-SYARAT

- Tarikh Tutup permohonan 2 minggu sebelum tarikh kursus.
- Keutamaan peserta terdiri dari petani yang telah memulakan projek pertanian.
- Peserta yang berjaya akan dihubungi melalui telefon.
- Kursus terhad kepada 30 orang peserta sahaja.
- Peserta dikehendaki menghadirkan diri sepanjang tempoh kursus.
- Setiap peserta kursus dikenakan yuran pendaftaran sebanyak RM 15.00 kecuali peserta kursus petani pelapis.

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS DAFTARLAH SEKARANG DENGAN PEJABAT ADUN PR

N1 Penaga	: 019 - 470 4800	- Rosidi Hussain	N21 Sungai Aceh	: 012 - 473 5774	- Hj M. Kamil A.Bakar
N2 Bertam	: 013 - 580 6981	- Asrol Sani	N22 Tanjong Bungah	: 012 - 232 6101	- Carol
N3 Pinang Tunggal	: 019 - 421 5952	- Adnan	N23 Air Putih	: 04 - 829 0614	- Chiam Heng Hock
N4 Permatang Berangan	: 019 - 510 2633	- Arsyad Md. Salleh	N24 Kebun Bunga	: 04 - 829 3691	- Nancy Lim
N5 Sungai Dua	: 019 - 477 6740	- Md. Fahmi Abd. Wahab	N25 Pulau Tikus	: 012 - 488 3227	- Joe
N6 Telok Air Tawar	: 017 - 427 1581	- Salehin Mohamed	N26 Padang Kota	: 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N7 Sungai Puyu	: 012 - 528 8411	- Ng Ya Ling	N27 Pengkalan Kota	: 012 - 437 1522	- Wang Lai Kin
N8 Bagan Jermal	: 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N28 KOMTAR	: 012 - 412 6284	- Adreana
N9 Bagan Dalam	: 016 - 473 1963	- Gesan	N29 Datok Keramat	: 012 - 410 6566	- A. T. Ong
N10 Seberang Jaya	: 013 - 489 3227	- Abdul Jalil Che Ros	N30 Sungai Pinang	: 010 - 464 3308	- Anna
N11 Permatang Pasir	: 019 - 412 8442	- Kamal	N31 Batu Lancang	: 012 - 480 3885	- Ooi Soo Chuan
N12 Penanti	: 04 - 522 1463	- Suhaimi Bin Mansor	N32 Seri Delima	: 012 - 486 2552	- Mr. Lingam
N13 Berapit	: 019 - 481 7823	- Ong Kee Seong	N33 Air Itam	: 012 - 493 3648	- Teh Choong Kong
N14 Machang Bubok	: 019 - 546 3257	- Rynu	N34 Paya Terubong	: 012 - 484 1963	- Toon Hoon Lee
N15 Padang Lalang	: 04 - 502 5071	- Ooi Zhen Chee	N35 Batu Uban	: 012 - 409 7507	- A.Francis Xavier
N16 Perai	: 012 - 412 8451	- Mohd. Yusof Sahabudin	N36 Pantai Jerejak	: 019 - 443 2088	- Victor
N17 Bukit Tengah	: 016 - 469 5343	- Amizuddin	N37 Batu Maung	: 013 - 510 1968	- Latifah
N18 Bukit Tambun	: 016 - 442 0820	- Ong Eu Leong	N38 Bayan Lepas	: 019 - 472 6956	- Asnah Bt Hashim
N19 Jawi	: 017 - 408 4784	- Abdul Halim Yunus	N39 Pulau Betong	: 019 - 570 9500	- Hj Md Tuah Ismail
N20 Sungai Bakap	: 012 - 415 2905	- Munir Bin Makhtar	N40 Telok Bahang	: 012 - 424 9004	- Mohamad Syawal Bin Ahmed



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (dua dari kanan) bersama Exco Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) menyampaikan sumbangan duit raya kepada sekumpulan anak-anak yatim di sini.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) mengusik manja seorang kanak-kanak pada majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri beliau baru-baru ini.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Salleh Man (dua dari kiri) bersama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang (dua dari kanan) mengadakan perbincangan berhubung pelan pembinaan parit konkrit di Kampung Kota, Permatang Pasir baru-baru ini.



SAMBUTAN Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang yang penuh warna-warni.



DUA peragawati mengambil gambar kenang-kenangan sempena sambutan 'Korean Fair' di Plaza Gurney baru-baru ini.



KETUA Men...
pemuda di M...
Permatang...

KE...
pe...
Pe...
An...
(ka...
(te...
Pe...
Ba...



PERBARISAN sempena sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang.



SETIAUSAHA Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus (kiri) bersama Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain (kanan) meninjau persiapan terakhir perbarisan sempena sambutan Hari Malaysia sebelum ketibaan Tuan Yang Terutama Negeri.



Terutama Negeri Pulau Pinang bergambar kenang-kenangan bersama sekumpulan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri dan Merdeka di Guar Perahu, Pauh baru-baru ini.



PARA kakitangan Tuan Yang Terutama (TYT) Negeri bergambar kenang-kenangan pada 1 Syawal di Seri Mutiara.



KETIBAAN Datuk Seri Anwar Ibrahim (berbaju hitam) disambut mesra oleh Pegawai Penerangan Pejabat Ketua Menteri, Mohd. Nizar Hashim (dua dari kanan), Bob Lokman (kanan sekali) dan Abdul Malik Abul Kassim (tengah, berkaca mata) pada Program Penerangan Perdana : Isu Semasa di Stadium Bandaraya baru-baru ini.

SEBAHAGIAN rakyat Pulau Pinang yang menghadiri Program Penerangan Perdana : Isu Semasa di Stadium Bandaraya.



SEORANG peniaga kain menunjukkan kain sari yang menjadi pilihan ramai menjelang sambutan Hari Cahaya bulan ini.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2011 (1 JAN. 2011 - 31 DIS. 2011)**

Nama	Telephone
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Oon Neow Aun (DAP) naoon@mpsp.gov.my	016-46 57 498
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shfeow@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) (Perlantikan Baru) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
En. Ramachandran a/l M. Muthiah (DAP) ramachandran@mpsp.gov.my	012-412 84 51
Puan Tan Cheai Peng (DAP) cptan@mpsp.gov.my	012-48 68 092
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) (Perlantikan Baru) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) (Perlantikan Baru) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Bahktiar Appanai bin Yahya (PKR) (Perlantikan Baru) bahktiarappandi@mpsp.gov.my	017-568 3778 04-977 3982
En. Lim Eng Nam (PKR) (Perlantikan Baru) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04-521 1987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) (Perlantikan Baru) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019-40 84 899
En. Lim Tau Hoong (NGO) (Perlantikan Baru) thlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) (Perlantikan Baru) lttiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
En. Zulkiefly bin Saad (NGO) (Perlantikan Baru) zulkiefly@mpsp.gov.my	013-43 62 848 04-538 6848 (Fax)
En. Loh Joo Huat (DAP) (Perlantikan Baru) jhloh@mpsp.gov.my	012-4221133
En. Ong Koon Liak (DAP) (Perlantikan Baru) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Puan Sarina binti Hashim (PKR) (Perlantikan Baru) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
En. Md Jamil Bin Abd Rahman (PAS) (Perlantikan Baru) mdjamil@mpsp.gov.my	019-4490007

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2011 (1 JAN. 2011 - 31 DIS. 2011)**

Nama	Telephone
Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP)	012-48 30 878
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012-428 22 50
Tay Leong Seng (DAP)	019-321 93 92
Lim Siew Khim (DAP)	016-531 60 26
Lim Cheng Hoe (DAP)	016-43 84 809
Tan Hun Wooi (DAP)	012-488 04 09
En. Ong Ah Teong (DAP)	012-4106566
Ooi Keat Hin (PKR)	016-41 71 331
Francis a/l Joseph (PKR)	012-47433 21
Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016-4222142
En. Lim Boo Chang (PKR)	04-2291579 (Tel) 04-2291578 (Fax)
En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS)	04-6577464 (Tel) 012-4728114
Encik Iszuree Bin Ibrahim (PAS)	016-4433205 019-4507890
Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012-4726725
Encik Teh Lai Heng (DAP) (Perlantikan Baru)	016-4459808
Encik Gooi Seong Kin (DAP) (Perlantikan Baru)	016-4571271
Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP) (Perlantikan Baru)	012-4122558
Encik Tan Seng Keat (PKR) (Perlantikan Baru)	012-4386191
Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR) (Perlantikan Baru)	019-4560077
Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR) (Perlantikan Baru)	013-4320207
Mohd Taufik Bin sulong (PKR) (Perlantikan Baru)	012-4380873
Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO) (Perlantikan Baru)	012-4635959
Dr. Lim Mah Hui (NGO) (Perlantikan Baru)	012-4221880
Encik Sin Kok Siang (NGO) (Perlantikan Baru)	016-4222255

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

YAP LEE YING AINUL WARDAH
ZULIANA AZIZ

Jurugambar:

CHAN LILIAN LAW SUUN TING
AHMAD FARHAN

sertai kami melalui "sms blast", taip "ADD ME"

019 357 9726,

Talian Pejabat 04-650 5550, 04-650 5375

sertai kami melalui "emel blast"

unitkomunikasipejabatkm@gmail.com

pejabatpenerangankm@gmail.com

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,

10503 Pulau Pinang.

Emel: suaracat@gmail.com

From: **Ananges Praththian**

Date: 09/06/2011 11:37AM

Subject: **Thank You**

Dear Sir,

Good day sir, my name is Anangesvary Poopale Ratthinan. The reason I'm sending this mail is to congratulate you and other state administrators on the good work done since March 2008. I intended to write in earlier but was of the impression that it will not mean anything until recently when I read Bulletin Mutiara. I saw that people are writing to tell how much your administration had impressed them and how much it had changed Penang. Thank you sir, for everything you have done even try to do for our state. I can still remember a saying a few years ago "Kembalikanlah Sinar Pulau Mutiara" when they named Penang as one of the dirtiest state.

I am currently staying at Farlim, Air Itam, Penang. The amount of changes I see everyday here makes me a very happy person. Its not only me who felt these changes but its was mainly my mother (aged 64) who keeps on urging me to send you a mail thanking you for the things you have done for the people. She told me that you are doing a good job and people should encourage the good deeds done by you by sending positive mails. I was really taken aback on the way my mum think, if the older generation are so thankful me as the younger generation should be more grateful. I am very proud to be staying at Penang because in this state we have leaders who are doing all they can and if they can't achieve something, at least they can proudly say that they tried. Now we can proudly claim Penang have got its "SINAR" back. Thank you again sir, this is a heartfelt thanks from my mother and me.

Yours truly,

Anangesvary Poopale Ratthinan

From: **Oliver Khaw**

Date: 08/15/2011 11:58AM

Subject: **Blog Rasmi Ketua Menteri Pulau Pinang: Keep up the good work**

Dear Y.A.B. Mr. Lim,

I'm just dropping a message to congratulate you and the DAP state government for a job well done in governing the state of Penang for the past few years. I am one of the many Malaysians that have been compelled to seek our fortunes in foreign lands for better financial returns. I come home to Penang twice a year to recharge and catch up with my parents and am always happy to see and read about the positive changes that the state has undergone since DAP took over. Please continue to keep the people in mind when formulating policies and keep up the good work!

Kalendar Pelancongan Pulau Pinang


2hb Oktober
Tanjung 10km Run
Polo Ground, Sepoy Line Road

8hb - 9hb Oktober
6th Penang Interntional
12 Hours Walk 2011
Padang Kota Lama



15hb - 16hb Oktober • Mean machine 2011 • Auto City



15hb - 16hb Oktober
Indonesia Food, Handicraft & Cultural
Festival Queensbay Mall Open
Carpark



16hb Oktober • Kwong Wah Yit
Poh (KWYP) City Run • KOMTAR

23hb Oktober • Guang Ming Bukit Jambul Hikathon 2011
• Bukit Jambul Hiking Area

BN luluskan bangunan parkir Bukit Bendera : PDC

GEORGE TOWN – Projek pembinaan parkir bertingkat di stesen bawah Kere-tapi Bukit Bendera bukan diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR), sebaliknya oleh kerajaan terdahulu iaitu Barisan Nasional (BN).

Pengurus Besar Perbadanan Pem-bangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar berkata, projek itu yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) pada asalnya diberikan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk dilaksanakan.

“Bagaimanapun, selepas mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan Negeri pada September 2007, ia telah memutuskan untuk menyerahkan projek berkenaan kepada PDC.

“Ini bermakna, Kerajaan Negeri PR dan Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) tidak memberikan kelulusan projek ini kerana ia adalah projek Kementerian Pelancongan,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan dari Pejabat Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Menurut Rosli, PDC telah melantik PDC Consultancy Sdn. Bhd. bagi penyediaan rekabentuk dan pelaksanaan projek membabitkan enam hentian bas dan 112 tempat letak kereta di atas lot seluas 0.62 ekar.

Tambahnya, pelan merancang telah diluluskan pada 21 Mei 2009 dan pihak PDC telah memohon mendapatkan kebenaran khas untuk melewati pembinaan dan telah memperolehnya pada 3 September 2009.

“Satu tender terbuka telah dipanggil pada 23 Mac 2009 dan Lembaga Perolehan Persekutuan peringkat negeri Pulau Pinang pada 24 Jun 2009 telah meluluskan projek ini kepada DTE Construction Sdn. Bhd. pada harga RM3,958,988.26 dengan tempoh binaan selama 14 bulan.

“Tarikh memulakan kerja adalah pada 10 Ogos 2009 dan tarikh siap pada 9 Oktober 2010, walaupun tarikh siap sebenar adalah pada 30 Mac 2011,” ujar Rosli.

Dalam pada itu, Rosli menyatakan bahawa pemeriksaan tapak bersama MPPP dilakukan dan tindakan untuk menyelesaikan beberapa masalah yang dibangkitkan seperti isu reka bentuk yang tidak memenuhi piawaian masih diusahakan.

“Pemeriksaan terakhir dilakukan pada 5 September 2011 dan beberapa cadangan penambahbaikan akan dilakukan. Kerja-kerja ini akan terus ditingkatkan sehingga MPPP berpuas hati sebelum mengeluarkan



sijil menduduki,” katanya sambil menjelaskan bahawa masalah yang berlaku menyebabkan tarikh pembukaan parkir ditangguhkan dan PDC akan mengambil tindakan secepat mungkin bagi menyelesaikan semua masalah dengan mengutamakan aspek keselamatan dan keselesaan pengguna.

FAKTA

Kelulusan kerajaan pusat.

Kelulusan projek telah diberikan oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan Pulau Pinang dalam tahun 2007. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di tapak adalah atas kehendak serta kelulusan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Pulau Pinang di bawah Kementerian Pelancongan. Peruntukan bagi projek ini diluluskan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia di bawah RMK9. Jumlah siling peruntukan yang diluluskan adalah berjumlah RM5.0 juta. Ketua Menteri Lim Guan Eng tidak dimaklumkan.

Sementara itu, Guan Eng memutuskan untuk menyaman Utusan Malaysia ekoran laporan fitnah akhbar tersebut yang bertajuk “Tempat Letak Kereta Bukit Bendera Didakwa Ada Penyelewengan SPRM Diminta Siasat Guan Eng” terbitan 6 September lalu.

Beliau berkata, laporan tersebut

merupakan fitnah Utusan Malaysia (Utusan) dan ia umpama budaya Utusan yang berniat jahat.

Oleh demikian, beliau melalui peguam beliau akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Utusan dengan menyaman akhbar tersebut kerana berbohong dan menyiarkan laporan palsu.

KM saran gotong-royong banteras aedes

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri memandang serius peningkatan kes demam denggi yang melanda Pulau Pinang. Justeru, Ketua Menteri, YAB Tuan Lim Guan Eng telah menyarankan agar diadakan aktiviti gotong-royong di kesemua 40 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini.

Menurut kenyataan beliau, sehingga 30 Julai 2011, terdapat 1,145 kes dilaporkan dengan 448 kes adalah positif denggi, iaitu peningkatan sebanyak 14% atau 55 kes berbanding tahun lalu bagi tempoh yang sama. Sehingga tempoh tersebut, terdapat dua kematian. Hal ini menjadikan Pulau Pinang berada pada kedudukan ke-2 kes tertinggi yang dilaporkan selepas Selangor yang mencatat lebih 4,000 kes.

Sehubungan itu, Guan Eng turut menyeru agar pihak berkuasa tempatan dapat berkerjasama dengan Jabatan Kesihatan serta melibatkan kesemua 40 kawasan DUN untuk menjalankan aktiviti gotong-royong secara bersepadu dalam menangani sekali gus membanteras penularan denggi di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, beliau juga berharap agar orang ramai memberi kerjasama dan menyertai gotong-royong yang dijalankan di kawasan kediaman masing-masing serta mengambil langkah yang proaktif dalam menanganinya.

Malah Guan Eng turut menyeru agar orang ramai menjaga persekitaran kediaman masing-masing dan menghapuskan



tempat pembiakan nyamuk aedes dalam usaha membanteras denggi di Pulau Pinang.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Kesihatan mengikut daerah masing-masing di talian 04-866 8357 (DBD), 04-282 8500 (DTL), 04-5382453 (SPT), 04-5754433 (SPU), 04-5935892(SPT).

Kesedaran wanita dipertingkatkan melalui 'Sister Camp 2011'

BUKIT MERTA JAM – Seramai lebih 300 wanita dari pelbagai lapisan usia dan masyarakat menghadiri seminar sehari 'Sister Camp 2011' di Hotel Summit, di sini.

Seminar yang dianjurkan oleh Kwong Wah Yit Poh dan Persatuan Kesedaran Hak Wanita Bukit Mertajam itu, bukan sahaja mendapat sambutan daripada wanita berkerjaya malah turut disertai oleh pelajar, penuntut institusi pengajian tinggi dan suri rumah.

Seramai lima penceramah hadir memberi taklimat berkaitan wanita dan keluarga. Antara topik yang menarik perhatian adalah penjagaan imej, penjagaan kesihatan, perhubungan ibu dan anak-anak serta isu kesamarataan jantina. Hadir sama salah seorang penceramah jemputan khas dari Taiwan, Chen Hong

yang menceritakan pengalaman dan perspektif beliau dalam sudut pandangan seorang pencinta makanan.

Menurut Pembantu Khas Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chon Pei Voon, seminar tersebut merupakan tahun kedua diadakan dan ia semakin mendapat sambutan. Malah tahun ini, *Sister Camp* turut diadakan di bahagian Pulau pada Mac lalu dan terbaru di bahagian Seberang Perai pada Ogos lalu.

Penganjuran 'Sister Camp 2011' kali ini turut mendapat tajaan daripada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita di Pulau Pinang, hospital malah mendapat penganjuran dari Hokkien Hoay Kuan Seberang Perai, Persatuan Hainan Seberang Perai, Pertubuhan Hakka Seberang Perai, Persatuan Kwong



PARA peserta Sister Camp tekun mengikuti ceramah yang diberikan bersempena penganjuran program berkenaan.

Waa Siew, Persatuan Kebajikan dan Ihsan Seberang Perai dan Hung Kung Association.

Jasa bakti dihargai pembakar semangat Penjawat Awam

GEORGE TOWN – 'Transformasi Perkhidmatan Teras Kecemerlangan' yang berpaksikan urus tadbir Cekap, Akauntabel dan Telus ternyata menjadi formula yang mampu melahirkan modal insan yang berdaya saing dalam kalangan pentadbir dan penjawat awam di negeri ini.

Dalam ucapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010, Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) 2010 dan Jasamu Dikenang 2011, di sini, beliau menyatakan bahawa memang menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memacu transformasi ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang dinamik dan bertaraf antarabangsa.

Malah beliau turut menekankan bahawa

Pulau Pinang tidak memiliki sumber alam semulajadi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan negeri dan hanya bergantung kepada pembangunan modal insan semata-mata.

Dalam majlis yang sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus menyatakan bahawa penjawat awam negeri mestilah mempunyai inisiatif untuk menghasilkan inovasi terbaru dalam sistem dan proses kerja agar lebih relevan dengan keadaan semasa di samping mengamalkan budaya kerja berkualiti tinggi yang berlandaskan prinsip 'value for money'.

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) bil.2 tahun 2002, antara syarat pemberian APC ialah seseorang pegawai mestilah berkhidmat genap setahun

pada hari terakhir tahun penilaian, jumlah LNPT 85% dan lebih layak dipertimbangkan serta mengambil kira kegiatan dan sumbangan pegawai berkenaan.

Manakala bagi AISA pula, ia diperkenalkan pada tahun 2010 untuk memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam sektor awam. Ia juga membawa perubahan yang signifikan untuk meningkatkan kecekapan. Keberkesanan dan kualiti perkhidmatan.

Seramai 239 penjawat awam pelbagai jawatan telah menerima APC, 132 penerima Anugerah Jasamu Dikenang bagi penjawat yang bersara wajib, 22 penerima bagi penjawat yang bersara pilihan dan seorang penerima yang meninggal dalam perkhidmatan.

Bagi Anugerah Inovasi pula, sebanyak empat kategori telah dipersembahkan termasuklah Anugerah Inovasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AIICT), Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK), Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah (AIPDT) dan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT).

Majlis yang diadakan di Hotel Gurney, turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Yusoff Wazir; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd Jait dan beberapa barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Kuasa Menghalalkan Sejarah

***Sebelum bahasa mengurai kata, bicara mencurah rasa marilah sejenak bersama kita sedekah Al-Fatihah kepada wartawan Bernama, Allahyarham Nooramfaizul yang terkorban dalam sebuah misi kemanusiaan di Somalia baru-baru ini.

Terima kasih adalah ungkapan keramat yang mampu menghilangkan sejenak rasa penat dan lelah seseorang yang berusaha demi kebaikan orang lain. Rasa terima kasih ini, sangat perlu dijiwai oleh setiap anak bangsa Malaysia tanpa mengira pahaman politik mahupun warna kulit.

Sesungguhnya apa yang kita kecapai hari ini adalah mustahil diusahakan dalam masa satu hari malah telah menuntut banyak pertumpahan darah. Adalah suatu kerugian yang amat besar bagi kita jika nikmat keamanan ini diperjudikan demi kepentingan sesetengah pihak.

Sejarah tetap akan menjadi sejarah, baik dan buruk telah termaktub cuma adakalanya kita seperti takut dengan bayang-bayang sendiri. Kemerdekaan berusia 54 tahun

merupakan suatu usia yang sangat matang bagi seorang insan di muka bumi ini. Jika di Malaysia, hanya tinggal dua tahun sahaja lagi untuk berkhidmat sebelum berpencen bagi seorang penjawat awam. Segala perancangan selepas berpencen sudah dirancang dan segala bakti khidmat serta pengalaman juga turut diperturunkan kepada pewaris tanggungjawab seterusnya.

Harapan yang menggunung diharapkan untuk meneruskan legasi dengan jayanya serta penuh tanggungjawab adalah suatu kepuasan yang dapat dikongsi bersama. Syukur dan terima kasih sekiranya legasi berjaya diteruskan seperti diharapkan. Namun, setiap legasi pasti ada sejarahnya kerana manusia rambut sama hitam tapi hati lain-lain.

Situasi hari ini bertambah bingung kerana masyarakat Asia seperti Malaysia kini mempunyai pelbagai versi warna rambut dan semakin sukar menduga hatinya. Sudah pasti pelbagai versi sejarah akan dikongsi kerana yang menyampaikannya juga adalah manusia.

Hanya kata bersulam bukti akan menjadi pegangan dan dianggap benar.

Begitu juga situasi hangat politik yang melanda negara apabila ada pemimpin mula mempersoalkan sebuah kesahihan sebuah sejarah. Sebagai masyarakat yang berstatus 54 tahun merdeka tidak sepatutnya cepat melatah pada perkara yang mempunyai asas benarnya. Masihkah kita ingat pada isu "Ops Lalang" yang pernah meninggalkan parut dihati sesetengah rakyat Malaysia? Sejarah peristiwa ini mempunyai pelbagai versi demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat kononnya. Walaupun begitu, gelombang globalisasi telah membongkar pelbagai kebenaran bagaikan tsunami meruntuhkan pelbagai penjuru sempadan.

Sempena sambutan kemerdekaan yang bakal rakyat Malaysia sambut pada 16 September ini, marilah kita cerminkan kematangan seorang rakyat merdeka yang berusia 54 tahun kerana kita sendiri tahu apa yang berlaku sebenarnya. Tindakan mempolitikkan isu sejarah tidak akan ada noktahnya kerana sejarah diabadikan oleh

seorang insan bergelar manusia yang sentiasa berkepentingan pada sesuatu masa demi sesuatu perkara.

Perkara ini turut diakui oleh kuasa besar dunia, Amerika Syarikat dan juga salah seorang mantan Perdana Menteri Malaysia bahawa setiap sejarah yang dicatit untuk tatapan masa depan sentiasa mempunyai unsur berkepentingan demi mengagungkan sesebuah kerajaan pada masa itu. Tidak hairanlah filem "Black Hawk Down" pada tahun 2001 yang mengisahkan pertempuran di Mogadishu arahan Ridley Scott telah dimanipulasi dari cerita sebenar demi selera dan kepentingan imej sebuah negara berkuasa besar sedangkan masyarakat dunia tahu akan kebenarannya.

Oleh segala yang sedemikian adanya, setiap individu rakyat Malaysia perlu tahu bahawa kita sentiasa disajikan pelbagai sumber informasi, namun kredibiliti maklumat tetap menjadi peranan kita untuk menaakul logiknya akibat lambakan gelombang globalisasi hari ini.

Putera Pulau



PINTU masuk
Kedai Runcit
No. 12.

ROZANA Musa (dua dari kanan)
dan Norhaslinda Nordin (kanan
sekali) ketika ditemuramah
Buletin Mutiara.

Kedai Runcit No. 12

– idea kreatif artis Melayu tempatan diiktiraf

Oleh: **YAP LEE YING**

Gambar: **LAW SUUN TING**

KETIKA di zaman kanak-kanak, penulis sering mengayuh basikal ke kedai runcit untuk membeli 'tikam-tikam'. Setiap kali 'menikam', penulis membayar 10 sen. Sekiranya bernasib baik, penulis berupaya memenangi hadiah wang RM1 dan wang itulah yang digunakan untuk meneruskan permainan tersebut.

Bagi mereka yang sebaya dengan penulis, permainan 'tikam-tikam' yang sering menjadi 'umpan' sekiranya ibu memerlukan bahan-bahan masakan tambahan dari kedai runcit. Bagaimanapun, hilang ditelan zaman, dewasa ini, apabila bercakap mengenai kedai runcit, anak-anak muda kini

hanya mampu terbayangkan kedai serbaneka 7-eleven ataupun pasaraya-pasaraya besar seperti Tesco, Giant dan Sunshine.

Tertarik dengan sipnosis Kedai Runcit No. 12, penulis telah menggunakan kesempatan yang ada untuk mengadakan lawatan ke lokasi pameran di Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang baru-baru ini. Kagum dan terpegun apabila ternampak 'tikam-tikam' tergantung di satu sudut bersebelahan dengan pintu utama. Selain itu, terdapat juga biskut gula warna-warni dalam tin besar, snek ringan berperisa durian, snek 'Super Ring', gula-gula getah berlabel gambar 'teddy bear' dan pelbagai lagi. Yang menariknya, selain bahan pameran, semua barangan di Kedai Runcit No. 12 adalah untuk dijual.



ANTARA barangan pameran dan jualan Kedai Runcit No. 12.

perlihatkan kedai runcit pada perspektif seni.

Umumnya, semua barangan yang dipamer dan dijual di Kedai Runcit No. 12 diperoleh (dibeli) dari kedai-kedai runcit lama di Kuala Lumpur,

Melaka, Pulau Pinang dan Gombak, Selangor. Malah, permainan 'tikam-tikam' masih boleh diperoleh dari sebuah kedai runcit di Melawati, Kuala Lumpur.

Selepas kejayaan di Singapura, Pulau Pinang dipilih sebagai lokasi kedua bagi mempamerkan seni unik berkenaan. Selepas tarikh 26 Ogos 2011, Kedai Runcit No. 12 akan meneruskan perjalanan seninya ke suatu lokasi lain.

Ketika penulis dan jurugambar sedang asyik meneliti barangan dipamer, Kedai Runcit No. 12 menerima kunjungan daripada 15 penjawat awam yang sedang mengikuti Kursus Pemantapan Bahasa Inggeris bawah kelolaan Bahagian Komunikasi Korporat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Menurut artis Rozana Musa dan Norhaslinda Nordin yang merupakan antara lima artis terlibat di dalam projek Kedai Runcit No. 12, idea asal projek adalah daripada Kurator Shooshie Sulaiman.

"Shooshie memperoleh idea tersebut ekoran kunjungan beliau ke sebuah kedai runcit berhampiran kediamannya di Setapak, Kuala Lumpur. Apabila Shooshie yang pernah memenangi Anugerah Seni Negara Kurator Muda 2009 menyatakan hasratnya untuk mengetengahkan konsep kedai runcit, kami pada mulanya berasa 'kekok' sedikit.

"Walaupun bukan kepakaran kami untuk menghasilkan seni terjemahan besar, hasil perbincangan lanjut dan kerjasama antara rakan sepasukan, akhirnya Kedai Runcit No. 12 berjaya

diterjemahkan di dalam tempoh empat hari," katanya kepada Buletin Mutiara (BM) di sini.

Rozana memberitahu, Kedai Runcit No. 12 bermula apabila Shooshie dijemput oleh Pentas Seni (Stage Art), Singapura untuk mengadakan pameran seni. Dikenali sebagai seorang Kurator yang memiliki idea kreatif, berani dan lain dari yang lain, bagi menepati citarasa masyarakat dari pelbagai lapisan umur serta kaum, Shooshie akhirnya memutuskan untuk menampilkan konsep kedai runcit tradisional Malaysia.

Ini kerana, bagi beliau, kedai runcit merupakan satu lokasi yang mengumpulkan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini. Selain mendapatkan barangan keperluan, penampilan konsep tersebut adalah bertujuan mem-



SEBAHAGIAN kakitangan awam yang mengikuti Kursus Pemantapan Bahasa Inggeris mengadakan lawatan ke Kedai Runcit No.12.

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

Gambar : **LAW SUUN TING**

‘Jika sesuatu bangsa tidak mengubah nasibnya sendiri, siapa yang perlu ubah?’ Itulah prinsip yang diamalkan oleh Presiden Persatuan Kontraktor Kelas F Pulau Pinang (PERKOBF), Tahir Jalaluddin Hussain, 48. Anak kelahiran Jalan Perak, Pulau Pinang ini merupakan seorang yang berwawasan, sukakan cabaran, peramah, tegas tetapi santun dalam menyusun setiap tutur kata ketika ditemui oleh wartawan Buletin Mutiara (BM).

BM : Secara umum, sesetengah masyarakat mengenali Tuan sebagai Presiden PERKOBF Pulau Pinang. Apakah jawatan-jawatan lain yang Tuan sandang di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri atau Perbadanan Bukan Kerajaan (NGO).

Tuan Tahir : Selain menyandang jawatan Presiden PERKOBF, saya juga merupakan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan saya juga Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Kontraktor Kelas F Negeri P.Pinang. Di samping itu, saya juga Ahli Seumur Hidup PEMADAM Kebangsaan dan Ahli Seumur Hidup Persatuan Melayu Pulau Pinang. Saya juga terlibat secara langsung ataupun tidak langsung di dalam program Kerajaan Negeri atas daya usaha yang dibuat oleh Ketua Menteri untuk membantu kontraktor kelas F. Majlis Perundingan ini juga digunakan untuk membincang masalah-masalah yang timbul dalam membentuk kelas F ke peringkat yang lebih baik. Saya juga memegang jawatan dalam jawatankuasa kecil ‘Georgetown World Heritage Incorporated’ (GWHI) di dalam bidang teknikal yang mana ia bertanggungjawab menganjurkan kursus-kursus konservatif warisan kepada kontraktor Kelas F di Pulau Pinang bagi tujuan melahirkan kontraktor pakar dalam kalangan kontraktor kelas F.

BM : Apakah cabaran yang Tuan hadapi terutama di dalam bidang ini.

Tuan Tahir : Buat masa ini, cabaran yang begitu ketara ialah terdapat beberapa pertubuhan yang mengakui mereka ini mewakili kontraktor Kelas F sedangkan di Pulau Pinang mempunyai lebih 1,200 orang berbanding Kelas A yang hanya mempunyai 79 orang. Saya begitu berharap agar semua kontraktor Kelas F ini duduk di bawah satu bumbung kerana bagi saya, hanya kontraktor Kelas F saja yang boleh memimpin dan tidak perlukan kontraktor besar untuk memimpin. Tetapi apa yang berlaku sebaliknya. Kontraktor Kelas A diberi peluang untuk memimpin kontraktor kelas F. Berlaku ‘split of interest’ di sini kerana kita terbahagi kepada dua puak dan memiliki pemikiran yang berbeza. Jika dihitung, Kelas F



TAHIR Jalaluddin Hussain ceria ketika diwawancara Buletin Mutiara.



TAHIR Jalaluddin Hussain menjelaskan cabaran beliau sebagai Presiden PERKOBF Pulau Pinang kepada Buletin Mutiara.

‘Ilmu itu penting, kerana tanpa ilmu, manusia tidak akan pergi jauh’ – Pengerusi Kontraktor Kelas F Pulau Pinang, Tahir Jalaluddin Hussain

merupakan majoriti berbanding jumlah kelas A dan kelas-kelas lain tidak sampai 300 orang.

BM : Apakah pendapat tuan mengenai isu yang hangat diperkatakan mengenai kontraktor Melayu kelas F di Pulau Pinang oleh MCA, baru-baru ini.

Tuan Tahir : Bagi saya, MCA tidak arif dalam menangani masalah dan tidak memahami proses projek diberi kepada Bumiputera (Melayu) di Pulau Pinang. Pertama sekali harus difahami bahawa pemberian harta negeri melalui projek-projek kecil ini melibatkan kesemua bangsa secara total tanpa ada sesiapa yang dianaktirikan. Contohnya, orang Melayu langsung tidak mempunyai kedai *hardware* di Pulau Pinang dan pembelian barang dibeli daripada bangsa lain. Jika dilihat, putaran ekonomi ini memperlihatkan semua bangsa terlibat dalam sesuatu projek yang diberi. Cuma yang timbul ialah lesen dipegang oleh orang Melayu. Mungkin ini adalah lonjakan daripada politik semasa daripada bekas ADUN Jawi yang tidak memahami sesuatu yang beliau sendiri tidak tahu. Saya nasihatkan beliau supaya banyak buat ‘homework’ sebelum mengkritik atau membidas Kerajaan Negeri mengenai isu ini.

BM : Apakah sasaran atau matlamat Tuan sebagai seorang Pengerusi PERKOBF Pulau Pinang.

Tuan Tahir : Saya mempunyai matlamat dan harapan yang sangat tinggi kepada kontraktor Kelas F di Pulau Pinang ini. Pertama sekali, saya mahu satu anjakan paradigma oleh kontraktor yang sedia ada pada hari ini untuk keluar daripada bayangan dipimpin dan dijajah oleh kontraktor kelas besar. Pelbagai tohmahan dan fitnah dilempar kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum ini kononnya Kerajaan Negeri tidak

memberi projek-projek yang lebih besar kepada kontraktor Bumiputera. Di sini saya ingin menyuarakan sesuatu mengenai projek mega yang sedang berlaku di Pulau Pinang iaitu projek yang bernilai RM 4 bilion yakni pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang di mana ada satu persatuan yang mendakwa kononnya kerajaan persekutuan telah berjanji kepada mereka yang 30 peratus dari projek akan diberi kepada kontraktor Bumiputera tempatan yakni kontraktor kelas-kelas yang besar. Secara tidak langsung perkara ini mengaitkan seramai 1,200 kontraktor kelas F yang kononya telah ‘gulung tikar’ dan terpaksa menjalankan perniagaan lain kerana tidak mempunyai projek. Di sini kita telah nampak momento yang ada di Pulau Pinang, di mana ada pihak yang mengeluarkan kenyataan bagi tujuan meraih kontrak besar untuk kepentingan mereka dan bukannya untuk membantu kontraktor kelas F. Tapi ianya menggunakan kontraktor kelas F sebagai mangsa batu loncatan untuk mereka-mereka ini meraih kontrak dan ianya tidak menguntungkan kontraktor kelas F sama sekali. Kini, saya hanya mahu kontraktor kelas bawahan agar memperbaiki diri agar tidak lagi ditindas atau diperkotak-katikan di masa hadapan. Ini matlamat utama saya.

BM : Apakah hobi Tuan.

Tuan Tahir : Saya sebenarnya tidak mempunyai hobi. Saya cuma rajin membaca dari dulu hingga sekarang. Bagi saya ilmu itu penting kerana tanpa ilmu, manusia tidak akan pergi jauh. Saya nasihatkan semua supaya sentiasa memperbaiki diri agar kita tidak ketinggalan di mana saja kita berada. Selain daripada membaca saya juga suka melancong ke negara luar. Satu ketika dahulu saya cuba bermain golf tetapi saya dapati ia tidak menarik dan sesuai dalam kerjaya saya.

MPSP pergiat LA21 kempen keselamatan jalan raya

SEBERANG PERAI – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini giat menjalankan kempen keselamatan jalan raya di bawah Jawatankuasa LA21 yang ditubuhkan pada tahun lepas.

Kempen ini di bawah tanggungjawab Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dengan kerjasama Continental Automotive Component Sdn. Bhd., syarikat yang telah memberi peruntukan kepada LA21 sebanyak RM50 ribu sejak tahun lepas.

Tahun lalu, kempen ini dijalankan dengan bantuan JKJR, Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan diadakan di tempat-tempat tumpuan awam seperti stesen minyak, lebuh raya dan tepi-tepi jalan. Setiap motosikal disemak bagi memastikan penunggang mematuhi peraturan, memberi pelekat serta ves keselamatan.

Kini, kempen keselamatan tersebut dikembangkan ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh Pulau Pinang secara berperingkat.

Pelbagai seminar diadakan kepada semua pemegang lesen di peringkat sekolah menengah. Manakala di sekolah rendah, penekanan diberi terhadap skop kerja PDRM, peraturan lalulintas, ceramah, kuiz serta ujian berkaitan lalulintas.

Menurut Ahli Majlis MPSP merangkap Pengerusi LA21, Soon Lip Chee, golongan pelajar di sini digalakkan untuk menyertai kempen yang dianjurkan oleh MPSP ini bagi memupuk kefahaman terhadap peraturan jalan raya dan lalulintas sedia ada yang telah ditetapkan.



PARA pelajar Sekolah Rendah True Light Juru sedang menjalani kuiz keselamatan jalan raya.

Jalan Kapitan Keling dibina semula



PENGERUSI Jawatankuasa Pengurusan Lalulintas dan Kerajaan Tempatan, Chow Kon Yeow (dua dari kanan) menunjukkan batu cobalt di Jalan Kapitan Keling, di sini.

GEORGE TOWN – Pitt Street atau lebih dikenali sebagai Jalan Kapitan Keling bagi warga Pulau Pinang, bakal berwajah baru apabila Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Lalulintas, Chow Kon Yeow mengumumkan keputusan pembinaan semula permukaan jalan tersebut baru-baru ini.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri memutuskan untuk meratakan permukaan Jalan Kapitan Keling berdasarkan keputusan tinjauan mendapati bahawa 86.1 peratus daripada 331 responden bersetuju untuk menggantikan permukaan jalan yang tidak rata kepada laluan bertar (permukaan rata).

“Permukaan jalan sebelum ini yang dibina menggunakan batu cobalt pada tahun 2006 merupakan sebahagian daripada projek mencatikan bazar bernilai RM 6 juta oleh

kerajaan terdahulu (Kerajaan Barisan Nasional).

“Sejak itu, jalan sepanjang 800 meter yang merangkumi Jalan Masjid Kapitan Keling (dahulunya Jalan Pitt), Lebuh Cina dan Kampung Kolam telah menjadi bahan kritik para pengguna sehinggakan ada yang menyalahkan permukaan tersebut ekor kejadian kerosakan dan tayar pancit pada kenderaan masing-masing. Malah, peniaga sekitar turut menyatakan rasa tidak puas hati berhubung situasi berkenaan,” katanya di sini baru-baru ini.

Tambah Kon Yeow, kerja-kerja pembinaan semula jalan bakal membabitkan kos melebihi RM100,000 dan dijangka siap dalam tempoh tiga bulan. Batu-batu cobalt berkenaan tidak akan dibuang sebaliknya akan digunakan untuk tujuan lanskap Taman Belia,” jelasnya.

Visi PP dizahirkan melalui penghijauan

GEORGE TOWN – Pelan Induk Kebersihan Pulau Pinang telah dirangka Kerajaan Negeri bagi memberi penekanan terhadap usaha meningkatkan kualiti alam sekitar dan landskap di setiap kawasan di negeri ini serta pengurusan sisa bahan buangan yang lebih efektif serta efisien.

Selain mengekalkan 3C (*cleanliness, crime, congestion*) sebagai medium penting dalam pelaksanaannya, pelan tersebut turut mensasarkan pemantapan program-program 3R (*recycle, reduce, reuse*) termasuk Ops Sinar, Combi dan Pickers. Malah pengurangan penggunaan beg plastik dan polisterin akan diperhebatkan serta diimplementasi sebagai habit kepada seluruh warga Pulau Pinang.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, pelan tersebut adalah untuk mengubah pemikiran masyarakat tentang kepentingan kebersihan di samping memberi pendedahan melalui program-program pendidikan dan kempen-kempen kesedaran yang dijalankan dari semasa ke semasa.

“Pelan Induk Kebersihan ini bakal meningkatkan kesedaran awam, meningkatkan kebersihan dan keindahan di kawasan-kawasan awam dan juga kediaman serta taman-taman perumahan di Pulau Pinang. Malah pelan tersebut juga bakal menjadi polisi yang paling efektif dalam memastikan Pulau Pinang menjadi bandaraya hijau yang bertaraf antarabangsa, menjadi tumpuan kepada para pelancong yang mencintai alam sekitar, menjadi daya tarikan kepada para pelabur yang mengutamakan kehijauan dan juga kepada pencinta alam sekitar serta menjadi tumpuan fauna dan unggas.

“Malah setiap kawasan di Pulau Pinang akan dilabelkan mengikut kod warna iaitu merah bagi kawasan kritikal, jingga bagi kawasan amaran dan hijau bagi kawasan yang bebas risiko,” katanya di sini baru-baru ini.



LOGO publisiti program Hijau Kerajaan Negeri.

Anak muda diseru daftar sebagai pengundi

PENAGA – Anak-anak muda sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Penaga diseru mendaftar sebagai pengundi bagi menjamin hak sebagai warganegara Malaysia.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman di dalam ucapannya turut menegaskan bahawa anak-anak muda juga bertanggungjawab untuk membuat hebahkan program-program kebajikan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri seperti Program Penghargaan Warga Emas, Program Anak Emas, bantuan kepada ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU), pelajar-pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) dan lain-lain.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Pertandingan Futsal Ke-2 (bawah 21 tahun) anjuran bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pasir Gebu dan Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras KADUN Penaga di Padang Awam Pasir Gebu di sini baru-baru ini.

Di dalam kejohanan yang disertai oleh 24 pasukan itu, Pasukan Pemuda Permatang Janggus telah muncul juara. Pasukan terbabit telah menerima hadiah wang tunai bernilai RM400 berserta medal.

Sementara itu, di dalam program berasingan, Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras KADUN Penaga turut mengadakan Sesi Ramah Mesra Bersama Komuniti Masyarakat Cina Penaga di Kampung Guar Kepah di sini.

Sesi yang turut dihadiri oleh Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bukan hanya bertujuan memberi penerangan berhubung perkhidmatan serta program Kerajaan Negeri, malah, pada masa sama, dialog antara penduduk turut diadakan.



PASUKAN Pemuda Permatang Janggus yang muncul juara pertandingan Futsal Ke-2 (bawah 21 tahun) Penaga.

Kebersihan & kesihatan fokus KADUN TAT

TELOK AIR TAWAR – Menyahut seruan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Hijau dan rakyat yang sihat, KADUN Telok Air Tawar telah mengambil inisiatif khas untuk menganjurkan program-program khas sepanjang bulan Julai lalu.

Antara program yang dijalankan adalah Program Penjagaan Buah Pinggang dan Rawatan Kesihatan Percuma anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pekan Darat bersama Pejabat Pegawai Penyelaras KADUN Telok

Air Tawar serta Program Gotong-royong membersihkan Perkarangan Masjid Jamek Permatang Tok Gelam.

Bersempena dengan program gotong-royong yang diadakan, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Bakthiar Appandi telah menyumbangkan sebanyak tujuh tong sampah kepada imam masjid berkenaan.

Antara lain, Pertandingan Bolasepak 9 sebelah Anjuran JKKK Permatang Kuching bersama Pejabat Pegawai Penyelaras KADUN Telok Air Tawar juga telah dilangsungkan.



BAKTHIAR Appandi (tiga dari kanan) menyerahkan tong sampah kepada imam Masjid Jamek Permatang Tok Gelam sambil diperhatikan oleh Pegawai Penyelaras KADUN Telok Air Tawar, Salehin Mohamed di sini baru-baru ini.

FAKTA

